



REMUK ...
keadaan
kereta
Perodua Viva
yang
mengorbankan
Soffinah yang
duduk di
sebelah
pemandu
kenderaan
berkenaan,
manakala
rakannya
yang
memandu
kereta itu
cedera parah.

Pelajar UMS dari Tambunan maut dalam kemalangan

LABUAN: Seorang pelajar wanita Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) berasal dari Tambunan Sabah maut dalam satu kemalangan jalan raya yang berlaku di simpang masuk ke universiti itu di Jalan Kiansam dekat sini pada petang Selasa.

Mangsa yang dikenali sebagai Soffinah Jasni, 22, pelajar program Ekonomi Kewangan Antarabangsa di Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (PKAL) meninggal dunia kira-kira jam 6.52 petang di Hospital Nukleus Labuan.

Menurut Ketua Ketenteraman Awam dan Trafik Ibu Pejabat Polis Wilayah Persekutuan Labuan, ASP Mohd. Hairol Majuki, mangsa cedera parah di bahagian kepala dan

tengkuk selepas kereta Perodua Viva yang dipandu rakannya bertembung dengan lori pembancuh simen yang datang dari arah bertentangan kira-kira jam 5 petang.

Mohd Hairol berkata, pemandu kereta berkenaan, Noorhamidah Mohd Gurini turut cedera parah dan patah tulang rusuk kiri dan kini masih dirawat dihospital.

"Hasil siasatan awal polis kita percayai Noorhamidah yang datang dari Jalan Bebuloh sepatutnya memberhentikan keretanya sebelum memasuki simpang UMS-KAL, tetapi terus memecut sebelum dilanggar lori pembancuh simen yang datang dari Jalan Layang-Layangan," katanya ketika dihubungi di pejabatnya di sini, kelmarin.